



FOREWORD

CONTEXTUALIZING NUSANTARA STUDIES

Od. M. Anwar

Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak
Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia
*Corresponding author: odmanwar@unisza.edu.my

JONUS adalah singkatan bagi *Journal of Nusantara Studies* (Jurnal Kajian Nusantara), sebuah jurnal universiti bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Jurnal ini bukanlah mengenai Nusantara, sebaliknya, ia adalah mengenai pelbagai disiplin atau bidang akademik dalam pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial, merangkumi (tidak terhad pada) kebudayaan, sejarah, bahasa, pendidikan, sosial, politik, komunikasi, psikologi, pembangunan, pelancongan, kesenian, ekonomi, sains dan teknologi (dalam terma sosiobudaya) dan hubungan antarabangsa **dalam lingkungan wilayah Asia Tenggara**. Dengan perkataan lain, jurnal ini meliputi pelbagai disiplin Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial tetapi skopnya berlegar dalam lingkungan rantau Asia Tenggara.

Walaupun tercatat dengan jelas dalam sumber-sumber watan (iaitu *Nāgara-Kērtāgama*, puisi Jawa Majapahit terkarang pada tahun 1365; *Pararaton*, catatan sejarah kerajaan Jawa Majapahit terkarang pada abad ke-14; dan *Sejarah Melayu*, catatan mengenai Kesultanan Melayu Tua semasa berkerajaan di Melaka) dan membawa makna amat besar bagi komuniti-komuniti watan, perkataan 'Nusantara' masih belum digunakan secara meluas. Di samping itu, pemahaman mengenainya masih kabur dan menyeleweng.

Oleh itu, perlulah diberi penjelasan tentang pengertiannya berdasarkan sumber-sumber primari watan itu. Berdasarkan sumber-sumber seperti telah disebut, Nusantara adalah sebuah kesatuan wilayah geografi komuniti-komuniti watan yang meliputi seluruh bahagian tenggara rantau Asia. Ruang lingkup wilayahnya adalah hampir sama dengan Asia Tenggara. Walaupun pada abad ke-13 dan 14 ia berpusat di Pulau Jawa (iaitu semasa kerajaan Kertanegara dan Majapahit), namun pada masa kontemporari kita ini ia telah menjadi perkataan bersama konsep sepunya dalam kalangan komuniti-komuniti watan rantau ini. Sementara 'Asia Tenggara' istilah asing, 'Nusantara' adalah istilah yang menggalas nilai sejarah, budaya dan sentimental yang amat mujarab dalam kalangan anak watan rantau ini. Ia mampu menjadi baja yang menyuburkan benih perasaan kekitaan dengan mendalam lagi berkesan seperti mana sering diungkapkan sebagai 'bangsa serumpun' berasaskan nenek moyang, bahasa perhubungan, pandangan dunia, kepercayaan, cara hidup, di samping warna kulit dan tempat tinggal dalam lingkungan sama. Dengan semangat beginilah 'Nusantara' dijadikan judul jurnal ini. Dalam ruang lingkup inilah segala disiplin ilmu pengetahuan dalam bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial akan dipupuk, dikembangkan dan dimajukan agar dapat menjadi pohon yang rendah tempat berkembangnya intelektual.

PENGETIAN 'NUSANTARA' DALAM SUMBER-SUMBER SEJARAH WATAN

Pada hari ini para sarjana, baik dari luar mahupun dalam kalangan anak watan sendiri, masih menggunakan kaedah 'mencongak' bagi menjelaskan pengertian 'Nusantara'. Tanpa merujuk sebarang sumber, mereka umumnya menggunakan akal atau pemikiran logik bagi menjelaskan pengertian 'Nusantara'. Mereka menyatakan 'Nusantara' terbentuk dari dua kalimat, iaitu *nusa* dan *antara* yang mana *nusa* dianggap bermaksud 'bangsa' atau

‘pulau’, manakala *antara* dianggap bermaksud berada ‘di tengah dua perkara’. Dengan kaedah ini, mereka menegaskan bahawa ‘Nusantara’ bermaksud ‘antara pulau-pulau atau bangsa-bangsa’. Walau bagaimanapun, gagasan mereka ini bercanggah sama sekali dengan keterangan-keterangan dalam pelbagai sumber sejarah watan. Dalam tradisi dan sejarah rantau ini terdapat dua entiti yang mempunyai nama hampir sama iaitu ‘Nusantara’ dan ‘Nusa Antara’. Berdasarkan maklumat-maklumat yang diberikan oleh masyarakat watan Jawa kepada beliau semasa beliau menjadi Gabenor di Pulau Jawa pada awal abad ke-19, Stanford Raffles (1994: Part II, 92) mencatatkan bahawa “dalam tradisi purbakala Jawa, ‘Nusa Antara’ adalah merujuk Madura atau pulau yang terletak antara”. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh komuniti Jawa itu adalah berwibawa kerana ianya diberikan oleh masyarakat pada zaman pra-industri yang masih kuat mengakar dari tradisi purbakala nenek moyang mereka.

Perlu ditekankan bahawa walaupun Raffles mengaitkan ‘Nusa Antara’ dengan ‘pulau yang terletak antara’ namun kenyataan beliau ini tidaklah boleh dianggap penjelasan tentang pengertian ‘Nusantara’. Ini kerana kenyataan beliau itu adalah deskripsi mengenai lokasi Madura, bukannya kenyataan mengenai nama khas pulau itu sendiri. Lagi pun apa yang diperkatakan oleh Raffles itu adalah mengenai ‘Nusa Antara’, bukannya ‘Nusantara’. Bahkan, perkataan ‘Nusa Antara’ itu sendiri pun—walaupun sepatutnya begitu dekat dengan maksud ‘antara pulau-pulau atau bangsa-bangsa’ kerana perkataan ‘Nusa’ secara langsung bermaksud ‘pulau’ atau ‘bangsa’ dan ‘Antara’ bermaksud ‘di tengah’—tidaklah membawa maksud ‘antara pulau-pulau atau bangsa-bangsa’, sebaliknya, seperti telah dinyatakan, ia merujuk Madura secara khusus, sebuah pulau yang terletak antara Pulau Jawa dengan Kalimantan.

Sumber watan paling utama yang menjelaskan pengertian Nusantara ialah *Nāgara-Kērtāgama* (1365). Sumber Jawa Majapahit abad ke-14 ini mencatatkan:

*Semua rumah memancarkan sinar warnanya gilang-cemerlang menandingi bulan dan matahari, indah tanpa upama, negara-negara di nusantara dengan Daha bagai pemuka, tunduk menengadahkan, berindung di bawah Wilwatika. Terperinci demi pulau **negara bawahan: Melayu, Tanjungnegara, Hujung Medini, Jawa, Makkasar dan Dwipantara (Rakan-Rakan Rapat Nusantara).***

(Nāgara-Kērtāgama, Pupuh XII-XIII).

Di bawah ‘negara-negara bawahan Nusantara’ itu terdapat pula kerajaan-kerajaan kecil. Kedudukan negara-negara bawahan Nusantara dan kerajaan-kerajaan kecil di bawahnya adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Wilayah-Wilayah yang membentuk Nusantara dalam abad ke-13 dan 14

NEGARA-NEGARA BAWAHAN NUSANTARA	KERAJAAN-KERAJAAN KECIL DI BAWAH NEGARA-NEGARA BAWAHAN NUSANTARA
1. <i>Melayu</i>	: Jambi, Palembang, Toba, Darmasraya, Daerah Kandis, Kahwas, Minangkabau, Siak, Rokan, Kampar, Pane Kampe, Haru, Mandailing, Tamihang, Perlak Padang Lwas, Samudra, Lamuri, Batan, Lampung dan Barus
2. <i>Tanjungnegara</i>	: Kapuas-Katingan, Sampit, Kota Lingga, Kota Waringin, Sambas, Lawal, Kadandangan, Landa Samandang, Tirem, Sedu, Barune (Brunei), Kalka, Saludung , Solot, Pasir Barito, Sawaku, Tabalung, Tanjung Kutei, Malano
3. <i>Hujung Medini</i>	: Pahang, Langkasuka , Saimwang, Kelantan, Trengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun, Tumasik, Kelang, Kedah Jelai, Kanjapiniran
4. <i>Jawa</i>	: Bali, Badahulu, Lo Gajah, Gurun, Sukun, Taliwang, pulau Sapi, Dampo, Sang Hyang Api, Bima, Serantau, Hutan Kendali, Pulau Gurun, Lombok Merah, Sasak, Bantayan Bantayan, kota Luwuk, Udamakatraya dan pulau-pulau lain di sekitarnya
5. <i>Makkasar</i>	: Buton, Banggawi, Kunir, Galian, Salayar, Sumba, Solot, Muar, Wanda (n), Ambon, Maluku, Waning , Serantau, Timor dan beberapa buah pulau di sekitarnya
WILAYAH-WILAYAH RAKAN KEPULAUAN LAIN	
6. <i>Dwipantara (Rakan-Rakan Rapat Nusantara)</i>	: Syangka bersama Ayudyapura, begitu juga Darmanagari, Marutma, Rajapura, dan juga Singanagari, Campa, Kemboja dan Yawana sebagai rakan-rakan rapat Nusantara

Sumber: *Nāgara-Kērtāgama* diedit oleh Slamet Mulyana (1979, ms. 279-281)

Seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1, dalam bahasa yang mudah, liputan wilayah Nusantara adalah cantuman negara-negara bawahannya iaitu: *Melayu, Tanjungnegara, Hujung Medini, Jawa, Makassar* dan *Dwipantara* (Rakan-Rakan Rapat Nusantara). Di bawah setiap negara bawahan Nusantara itu pula terdapat kerajaan-kerajaan kecil. Sehubungan itu, liputan atau sempadan wilayah Nusantara cantuman kesemua negeri-negeri kecil di bawah negara-negara bawahan Nusantara itu.

Sempadan liputan wilayah Nusantara dapat dibentuk dengan menelusuri kerajaan-kerajaan yang berada di bahagian paling hujung di utara, selatan, barat dan timurnya, dan kemudian mencantumkannya dalam satu lingkaran. Sempadan wilayah Nusantara di bahagian utara adalah Segenting Kra, selatan Thailand. Ini kerana, seperti dapat dilihat dalam Jadual 1, dalam *Nāgara-Kĕrtāgama* dicatatkan tentang sebuah kerajaan di bawah Hujung Medini bernama Langkasuka. Ia adalah sebuah kerajaan yang terletak di selatan Thailand. Langkasuka menjadi sempadan wilayah Nusantara di bahagian utara kerana ia merupakan negeri yang berada di bahagian paling hujung di bahagian tersebut. Seterusnya, sempadan wilayah Nusantara di bahagian selatan adalah Papua New Guinea Barat. Ini kerana dalam *Nāgara-Kĕrtāgama* tercatat sebuah kerajaan bernama 'Waning'. Waning adalah merujuk Papua New Guinea Barat. Ia merupakan salah sebuah kerajaan yang di bawah Makassar. Waning merupakan sempadan wilayah Nusantara di bahagian selatan kerana ia terletak di bahagian paling hujung di selatan wilayah Nusantara. Sempadan wilayah Nusantara di bahagian barat adalah Barus kerana ia terletak di bahagian paling hujung di bahagian barat Nusantara. Barus merupakan salah sebuah negeri di bawah Kerajaan Melayu. Sebelum tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka pada sekitar tahun 1400, Kerajaan Melayu adalah terletak di Sumatera, khususnya di sekitar Palembang dan Jambi. Sempadan wilayah Nusantara di bahagian timur adalah Manila, Filipina. Ini kerana dalam *Nāgara-Kĕrtāgama* tercatat sebuah kerajaan bernama 'Saludung' atau 'Salurong'. Ia merupakan nama Manila pada zaman purbakala. Menurut *Nāgara-Kĕrtāgama*, pada abad-14, 'Saludung' (atau 'Salurong') atau Manila merupakan salah sebuah kerajaan di bawah *Tanjungnegara* yang pusat kerajaannya terletak di Kalimantan.

Cantuman sempadan-sempadannya di bahagian utara, selatan, barat dan timur inilah yang membentuk kesatuan wilayah besar Nusantara. Di samping itu, *Nāgara-Kĕrtāgama* turut mencatatkan bahawa terdapat 'negara-negara asing' iaitu yang dinamakan Syangka, Ayudyapura, Darmanagari, Marutma, Rajapura, Singanagari, Campa, Kemboja dan Yawana. Sumber Jawa Majapahit ini menyatakan bawah negara-negara ini adalah rakan-rakan rapat Nusantara. Secara umum, negara-negara disebut sebagai *Dwipantara*, bermaksud wilayah-wilayah rakan kepulauan lain atau wilayah-wilayah rapat dengan Nusantara.

Nama-nama 'negara-negara bawahan Nusantara' pada zaman kontemporari (moden) adalah seperti mana diberikan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nama-Nama Wilayah dan Subwilayah yang membentuk Nusantara (abad ke-13 dan 14) Pada Zaman Kontemporari (Moden)

NAMA WILAYAH NUSANTARA PADA ZAMAN PURBAKALA	NAMA-NAMA WILAYAH DALAM Nusantara PADA ZAMAN KONTEMPORARI (MODEN)
1. <i>Melayu</i>	: Seluruh Sumatera
2. <i>Tanjungnegara</i>	: Kalimatan, Brunei Darussalam dan Filipina
3. <i>Hujung Medini</i>	: Semenanjung Tanah Melayu, Segenting Kra, dan Singapura
4. <i>Jawa</i>	: Kepulauan Java dan pulau-pulau lain di sekitarnya
5. <i>Makasar Isles</i>	: Sulawesi, Papua New Guinea Barat (Waning)
WILAYAH-WILAYAH RAKAN KEPULAUAN LAIN	
6. <i>Dwipantara (Rakan-Rakan Rapat Nusantara)</i>	: Sri Lanka, Myanmar dan China or <i>Sin</i> (dalam rangkuman perkataan Syangka), Ayuthia, Thailand (Ayodhyapura), Dharmarajanagara/Ligor (Darmanagari), Martaban, selatan Thailand (Marutma), Rajjuri, selatan Thailand (Rajapura), Lembah Sungai Menam (Singhaagari), Cambodia (Campa), dan Annam, Vietnam (Yawana)

Penelitian terhadap bahagian-bahagian dan sub-bahagian sub-bahagian (seperti mana disenaraikan) menzhahirkan hakikat bahawa wilayah Nusantara secara amnya adalah sangat selari dengan wilayah Asia Tenggara pada hari ini. Ia juga sinonim dengan wilayah negara-negara anggota ASEAN.

Di samping itu, jurnal ini juga secara tidak langsung meliputi negara Thailand, Sri Lanka, Myanmar, Kemboja, Vietnam, Laos, India, China dan lain-lain. Ini kerana, seperti mana dicatatkan dalam *Nāgara-Kērtāgama*, negara-negara ini mempunyai perhubungan sejarah yang sangat lama dengan negara-negara di dalam Nusantara hinggalah ianya mempunyai nama khusus iaitu *Dwipantara*, bermaksud wilayah-wilayah rakan kepulauan lain atau wilayah-wilayah rapat dengan Nusantara. Pada hari ini perhubungan antara negeri-negeri di dalam Nusantara dengan ‘negara-negara asing’ yang disebut *Dwipantara* itu adalah hampir sama dengan perhubungan negara-negara ASEAN dengan rakan-rakan luarnya seperti Jepun, China, India, Amerika Syarikat, EU dan sebagainya. Walaupun tidak berada di dalam liputan Nusantara namun wacana mengenai isu-isu kemanusiaan dan sosial Nusantara sentiasa melibatkan Sri Lanka, Myanmar, Thailand, Indo-China, India dan China.

Sumber kedua paling penting yang menjelaskan pengertian Nusantara ialah *Pararaton*, juga sumber Jawa Majapahit yang ditulis pada abad ke-14 tetapi pada masa kemudian daripada penulis *Nāgara-Kērtāgama*. Penjelasan dalam *Pararaton* memperkukuhkan lagi keterangan yang diberikan dalam *Nāgara-Kērtāgama*. Penjelasan *Pararaton* mengenai Nusantara adalah seperti berikut:

Beliau Gajah Mada Patih Amangkubhumi tidak ingin menikmati palapa (melepaskan puasa). Beliau Gajah Mada, “Jika telah mengalahkan Nusantara, saya (baru akan) melepaskan puasa. Jika mengalahkan Gurun, Seram, Tanjungpura, Haru, Pahang, Dampo, Bali, Sunda, Palembang, Tumasik, demikianlah saya (baru akan) menikmati palapa (melepaskan puasa)

(Raden Mas Mangkudimedja & Harjana Hadipranata 1979, ms. 111)

Jelas bahawa *Pararaton* memberi fakta-fakta hampir identikal dengan maklumat yang diberikan oleh *Nāgara-Kērtāgama*. Tokoh yang disebut Sira Gajah Madapatih Amangkubhumi dalam *Pararaton* itu adalah tokoh yang disebut Gajah Mada dalam *Nāgara-Kērtāgama*. Demikian juga wilayah liputan Nusantara dalam *Pararaton* adalah lebih kurang sama dengan liputan yang diberikan dalam *Nāgara-Kērtāgama*. Perbezaannya, keterangan dalam *Nāgara-Kērtāgama* lebih terperinci daripada *Pararaton*. Menurut *Pararaton*, negeri-negeri yang berada di dalam Nusantara ialah Gurun, Seram, Tanjungpura, Haru, Pahang, Dampo, Bali, Sunda, Palembang dan Tumasik. Sama seperti dicatatkan dalam *Nāgara-Kērtāgama*, Nusantara dalam *Pararaton* adalah cantuman negara-negara yang membentuk Asia Tenggara pada hari ini.

Sumber ketiga paling penting yang menjelaskan pengertian Nusantara adalah *Sejarah Melayu* (1612) iaitu tulisan Melayu mengenai Kerajaan Melayu Melaka pada abad-15 dan 18. Penjelasan tentang Nusantara dalam *Sejarah Melayu* adalah seperti berikut:

Kata sahibul hikayat, maka tersebutlah perkataan Betara Majapahit. Maka baginda beranak dengan anak raja Bukit Seguntang itu dua orang lelaki, dan yang tua Raden Inu Merta Wangsa namanya, maka dirajakan baginda di Majapahit; dan yang muda Raden Mas Pamari namanya, maka diraja baginda jua di Majapahit, kerana negeri itu negeri besar. Syahdan, telah Betara Majapahit sudah hilang maka anakanda baginda yang tua itulah ganti Betara Majapahit, terlalu sekali besar Kerajaan baginda pada zaman itu, ***seluruh tanah Jawa itu semuanya di dalam hukum baginda dan segala raja-raja Nusantara pun setengah sudah takluk kepada baginda.*** Setelah Betara Majapahit menengar Singapura negeri besar, rajanya tiada menyembah pada baginda, dan raja Singapura itu saudara sepupu pada baginda

(*Sejarah Melayu*, Shellabear 1977, ms. 32).

Sejarah Melayu memberi penjelasan begitu umum tentang Nusantara. Namun begitu, ia dapat memberi gambaran tentang hakikat Nusantara adalah sebuah lingkungan wilayah yang luas di Asia Tenggara.

KENAPA NUSANTARA?

Ada tujuan khusus kenapa ‘Nusantara’ bukannya ‘Asia Tenggara’ yang dijadikan nama bagi jurnal ini. Ini kerana sementara ‘Asia Tenggara’ merupakan istilah asing, ‘Nusantara’ adalah istilah yang telah digunakan oleh komuniti-komuniti watan sejak sekian lama dan membawa nilai sejarah, budaya dan sentimental cukup mendalam yang menerbit dan menyuburkan rasa kekitaan yang sering diungkapkan sebagai ‘bangsa serumpun’ berasaskan nenek moyang, bahasa, kepercayaan, cara hidup, di samping warna kulit dan tempat tinggal yang sama.

Kesemua sumber sejarah yang diketahui setakat ini (terutamanya *Nāgara-Kērtāgama*, *Pararaton* dan *Sejarah Melayu*) memberikan data konkrit yang membuktikan Nusantara bukanlah suatu cerita dongeng,

sebaliknya, ia adalah suatu konsep geografi yang benar-benar wujud secara tangibel. Sumber-sumber tersebut menzhahirkan hakikat bahawa pada suatu masa dahulu, jauh sebelum Barat memperkembangkan istilah 'Asia Tenggara', seluruh bangsa di rantau ini sudah pun memiliki sebuah kesatuan wilayah geografi yang bersepadu.

Kesatuan wilayah Nusantara itu merupakan suatu keberadaan yang berakar umbi dari zaman sejarah yang panjang. Keberadaannya boleh dikesan dari sebuah catatan India kuno bertajuk *Kalidasa* bertarikh 400 Sebelum Masihi (Levi, 1931). Menurut Levi dan juga para sarjana lain (seperti Coedes, 1965; Gonda, 1973; Wolters, 1967; Pande, 1999; Behera, 1999; dan Linehan 1949), pelbagai sumber kuno menjelaskan bahawa telah wujud sebuah kesatuan wilayah komuniti watan yang disebut 'Nusantara'. Hakikat keberadaan sebuah kesatuan wilayah di rantau ini dapat diabsahkan dengan sumber China (iaitu catatan I-Tsing, abad ke-7) yang mencatatkan mengenai *Kun-lun*, iaitu istilah China kuno mengenai sebuah kesatuan wilayah luas di rantau ini yang identikal dengan Nusantara.

Nusantara telah memainkan peranan amat penting dalam perjuangan kemerdekaan, terutamanya di Indonesia (Vlekke, 1959). Sejak tahun-tahun 1920-an lagi istilah 'Nusantara' telah digunakan oleh golongan nasionalisnya seperti E.F. Douwes Dekker, Ki Hadjar Dewantara dan Sukarno (sekadar menyebut beberapa) untuk menggerakkan perasaan nasionalisme dalam kalangan pelbagai pihak. Istilah 'Nusantara' diperkenalkan dalam gerakan nasionalis Indonesia oleh Ki Hadjar Dewantara (1889-1959), seorang wira nasional yang mengasaskan Taman Siswa, salah sebuah gerakan intelektual Indonesia yang awal. Ini berlaku selepas Brandes (1897), seorang sarjana Belanda, menerbitkan manuskrip *Nāgara-Kērtāgama* (1365) pada tahun 1897. Sejak itu, istilah 'Nusantara' digarapkan oleh para penggerak nasionalis itu, terutamanya Sukarno dan rakan-rakan nasionalisnya, sebagai nama paling sempurna untuk dijadikan nama negara-bangsa yang bakal merdeka menggantikan nama 'Netherlands Indies' yang digunakan oleh penjajah Belanda. Malah, dalam pelbagai wacana nasionalisme Indonesia pada hari ini sekali pun 'Nusantara' ditanggapi sebagai sinonim dengan 'Indonesia', sebuah nama yang digunakan semasa mereka mengistiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 di Jakarta.

Walau bagaimanapun, pada hari ini kepentingan istilah 'Nusantara' melampaui kepentingan para perjuangan nasionalis Indonesia. Istilah ini telah ditanggapi bukan hak-milik Indonesia semata-mata tetapi merupakan hak-milik bersama bangsa-bangsa watan lain di rantau ini termasuk Malaysia, Brunei Darussalam, selatan Thailand, Filipina dan Singapura. Rasa pemilikan ini diasaskan kepada keberadaan negara-negara tersebut di dalam 'negara-negara bawahan Nusantara' yang dicatatkan dalam *Nāgara-Kērtāgama*. Malah, pemilikan oleh sesebuah komuniti atau negara terhadap istilah ini akan menimbulkan perdebatan kerana berdasarkan *Nāgara-Kērtāgama*, *Pararaton* dan *Sejarah Melayu*, Nusantara adalah bermaksud 'pulau-pulau di luar Pulau Jawa'. Ulasan panjang lebar mengenai isu ini dibuat oleh Wolters (1999) dan Jones (1973). Misalnya, menurut Jones (1973, ms. 93):

Keberadaban Nusantara adalah sesuatu yang dapat diabsahkan kerana ia dicatatkan dalam *Nāgara-Kērtāgama*, dikarang pada abad-14. Walaupun ia membawa maksud 'pulau-pulau lain', ia tidak memasukkan Jawa sebagai salah satu daripadanya. Malah, dapat diperdebatkan untuk menyatakan Nusantara merupakan konsep Indonesia sebelum penjajahan Belanda.

Adalah disedari bahawa perbahasan dalam kalangan pelbagai pihak mengenai kedudukan Nusantara masih belum selesai. Namun hakikat yang tidak boleh diabaikan ialah, seperti mana telah dinyatakan, kewujudannya bukanlah sebuah cerita dongeng, sebaliknya, ia adalah suatu konsep geografi yang benar-benar wujud secara tangibel. Ini kerana kesemua sumber yang ada, terutamanya *Nāgara-Kērtāgama*, *Pararaton* dan *Sejarah Melayu* mencatatkan dengan begitu jelas mengenainya; sebagai sebuah kesatuan wilayah atau rantau di bahagian tenggara Asia.

Selanjutnya, walaupun apa pun persepsi diberikan oleh pelbagai pihak, jurnal ini mengelakkan daripada perbahasan-perbahasan yang *bias*, memihak kepada sesuatu pihak tanpa fakta-fakta sahih. Jurnal ini menekankan perbahasan, penghujahan dan penghuraian yang diasaskan sumber-sumber sahih dan dapat dibuktikan kesahihannya, bukannya diasaskan akal dan teori yang dibentuk dari pemikiran logik semata-mata.

Berdasarkan sumber-sumber sejarah seperti telah dipaparkan di atas, iaitu *Nāgara-Kērtāgama*, *Pararaton* dan *Sejarah Melayu*, Nusantara adalah nama khas yang merujuk sebuah wilayah luas di bahagian tenggara Asia. Dari sudut sejarah, Nusantara adalah equilibrium dengan Alam Melayu kerana semasa zaman pemerintahan kerajaan Melayu lama di bawah Saliendra (abad ke-7) dan Srivijaya-Melayu (abad ke-6 hingga abad ke-11), wilayah yang diliputi oleh Nusantara itu adalah berada di bawah empayar kerajaan Melayu tersebut. Cakupan wilayah kerajaan Melayu tua itu adalah meliputi seluruh wilayah Nusantara (Coedes, 1965). Walau bagaimanapun, jurnal ini memilih istilah 'Nusantara' kerana ia lebih bersifat neutral berbanding dengan 'Alam Melayu'—yang berpaksi kepada komuniti Melayu.

Di samping itu, walaupun jurnal ini berfokus terhadap Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial komuniti-komuniti timur, ia tidaklah terikat kepada konsep Orientalism yang digagaskan oleh Edward Said (2014). Konsep Orientalism gagasan Edward Said meletakkan segala-segala perkara, termasuk jati diri, pandangan dunia,

pemikiran, sains, teknologi (sekadar menyatakan bahawa beberapa) dalam masyarakat bukan-Barat adalah dicipta oleh Barat, dan membawa epistemologi Barat.

Pihak editorial jurnal ini amat menyedari bahawa perbahasan tentang pelbagai perkara berkaitan dengan konsep dan epistemologi Nusantara akan berterusan. Terpulanglah kepada penulis dan pembaca yang menentukan hala tuju perbahasan ini. Tugas asasi jurnal ini adalah untuk memberi peluang kepada semua pihak memperkatakan kebenaran yang masih belum diangkat ke permukaan secara ilmiah dalam ertikata diasaskan bukti-bukti sahih yang dapat diabsahkan akan kesahihannya.

SKOP WACANA JURNAL INI

Perlu diulang bahawa jurnal ini bukanlah mengenai Nusantara, sebaliknya, ia adalah mengenai pelbagai disiplin atau bidang Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial **dalam lingkungan wilayah Nusantara**. Bidang-bidang dicakupinya termasuk budaya, sejarah, tamadun, bahasa, pendidikan, sosial, politik, ekonomi, komunikasi, psikologi, pelancongan, warisan, seni, sains, agama, teknologi, hubungan antarabangsa (sekadar menyebut sebahagian daripadanya). Seperti telah dirumuskan, Nusantara adalah nama khas bagi rantau di bahagian tenggara Asia atau dikenali sebuah 'Asia Tenggara'. Sehubungan itu, untuk tujuan jurnal ini, pelbagai bidang Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial itu berlegar dalam rantau ini.

RUJUKAN

- Behera, K. S. (1999). *Maritime heritage of India*. New Delhi: Aryan Books International.
- Brandes, J. L. A. (1897), *Pararaton (Ken Arok) of het boek der Koningen van Tumapël en van Majapahit. Uitgegeven en toegelicht*. Batavia: Albrecht's Hage: Nijhoff. VBG 49.1.
- Coedes, G. (1965). *The Indianized states of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Gonda, J. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. New Delhi: International Academy of Indian Culture.
- I-Tsing. (1896). *A record of the Buddhist religion as practised in India and the Malay Archipelago*. (A.D. 671-695). Transl. by J. Takakusu. Oxford: The Clarendon Press.
- Jones, R. (1973). Earl, Logan and 'Indonesia'. In *Archipel*, 6, 93-118.
- Levi, S. (1931). K'ouen-louen et Dvipantara. In *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkekunde van Nederlandsch Indie, uitgegeven door het Koninkrijk Instituut voor Taal-, en Volkekunde van Nederlandsch-Indie*, 88, 621-627.
- Linehan, W. (1949). The earliest word-lists and dictionaries of the Malay language. In *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 22(I), 183-187.
- Mangkudimedja, R. M. & Hadipranata, H. (1979). *Serat Pararaton: Ken Arok I*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- Mulyana, S. (1979). *Nagarakertagama*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara.
- Pande, G. C. (1999). *Kālidāsa and his age*. New Delhi: Raka Prakashan.
- Raffles, T.S. (1994). *The History of Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Resink, G.J. (1968). *Indonesia's history between the myths*. The Hague: W. van Hoeve Publishers.
- Said, E. W. (2014). *Orientalism*. New York: Knopf Doubleday Publishing Group.
- Shellabear, W.G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Vlekke, B. H. M. (1959). *Nusantara, a history of Indonesia*. Bandung: The Hague.
- Wolters, O. W. (1967). *Early Indonesian commerce: A study of the origins of Srivijaya*. Ithaca, NY: Cornell University Pres.